

31 MAR 2004

Sabah-Penggiliran

PENJELASAN MENGENAI SAMAN TERHADAP SISTEM PENGGILIRAN KETUA MENTERI

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Saman yang mencabar kesahihan sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah yang dikemukakan oleh tiga lelaki tidak dapat diteruskan dengan penuh semangat melihatkan implikasi besar terhadap pentadbiran negeri itu jika mahkamah memutuskan sistem itu bercanggah dengan perlembagaan negeri dan tidak sah.

Peguam Datuk James Ghani berkata demikian dalam satu kenyataan untuk menjelaskan satu laporan Bernama semalam bahawa anak-anak guamnya, Kaiman Buangan, Abdul Rajik Arin dan D. Ismail D. Jamlang, telah "meneruskan dengan penuh semangat saman itu di mahkamah."

Bernama kesal dengan kesilapan itu dan ingin menjelaskan teks asal yang dihantar ke agensi berita itu tertinggal kata "tidak" atas kesilapan teknikal.

Ketiga-tiga mereka mengemukakan saman terhadap Yang Dipertua Negeri Sabah, pada masa itu Tun Sakaran Dandai, kerajaan Sabah dan dua bekas Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan Tan Sri Bernard Dompok, berhubung sistem penggiliran itu pada 22 Mac, 2001.

Mereka memutuskan untuk menarik balik saman itu selepas Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 27 Mac lepas mengumumkan pemansuhkan sistem penggiliran Ketua Menteri di kalangan masyarakat-masyarakat utama di Sabah.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu di kalangan pemimpin masyarakat Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam bagi tempoh setiap dua tahun diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1994.

Di bawah sistem itu, Sabah telah menyaksikan tujuh Ketua Menteri -- Sakaran, Datuk Seri Mohamed Salleh Said Keruak, Yong, Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan Ketua Menteri sekarang, Datuk Seri Musa Aman.

-- BERNAMA
SBB AZZ RM PR